

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, May 8, 2018 9:16 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: I-RIA 2018 Pamer Ciptaan Kreatif Dan Inovatif



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

8 MEI 2018 / 22 SYAABAN 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

I-RIA 2018 PAMER CIPTAAN KREATIF DAN INOVATIF



UUM ONLINE: *Innovative Research, Invention & Application Exhibition 2018 (I-RIA 2018)*
Kali kelima yang berlangsung selama dua hari mempamerkan reka cipta kreatif dan inovatif di Dewan Muadzam Shah, UUM.

Dengan mengangkat tema *Harnessing Technology for Revolution Industrial 4.0* (IR 4.0), *I-RIA 2018* dirasmikan oleh Pengarah Eksekutif MyEG Services Berhad yang juga Profesor Adjung UUM, Dato' Raja Munir Shah Raja Mustapha, semalam.

Jelasnya, I-RIA diadakan bertujuan untuk menyediakan tempat yang ideal untuk pencipta, pereka dan usahawan untuk mempamerkan ciptaan, idea, prototaip, produk dan reka bentuk terbaru mereka kepada para pelabur, pengilang, pengedar dan pemarkar yang mencari idea baru.

Ujarnya, sejak 2015, I-RIA telah berkembang menjadi pameran kebangsaan yang diiktiraf di Malaysia dan saya gembira melihat peserta dari industri, agensi kerajaan dan akademik berada di sini untuk membincangkan pelbagai topik berkaitan IR 4.0.

"Saya percaya pameran penting ini tidak mungkin dilakukan tanpa kerjasama dan sokongan kuat daripada pelbagai pihak, tahniah kepada School of Computing serta semua yang terlibat.

"Saya benar-benar berharap pameran ini akan menjadi asas untuk membentuk masa depan teknologi di Malaysia untuk menyediakan negara kita ke arah Revolusi Perindustrian Keempat," ucapnya.

Manakala Pengarah projek I-RIA 2018, Dr. Amran Ahmad berkata, pada kali ini I-RIA menerima hampir 200 peserta dari seluruh negara termasuk institusi pendidikan tinggi, sekolah, agensi dan individu untuk mempamerkan produk inovatif dalam pelbagai kategori dan produk.

"Produk inovatif berasal daripada minda inovasi yang dikenali sebagai penciptaan dan sikap penciptaan harus digilap seawal tahap sekolah menengah, menengah seterusnya peringkat universiti.

"Minda yang hebat akan menghasilkan idea hebat yang menyumbang kepada ciptaan yang berprestij.

"Saya berharap I-RIA sebagai platform untuk melahirkan bakat muda dalam menyokong negara dengan perkhidmatan yang lebih cekap," katanya.

Siswa Sarjana Muda Sains (Teknologi Maklumat), Mohamad Fazuan Mohd Wafat, berjaya mencipta aplikasi Biketracker yang menggunakan telefon pintar berasaskan aplikasi android.

"Aplikasi Biketracker dicipta untuk mengesan kedudukan penunggang basikal menariknya, sekiranya peranti ini terjatuh satu pesanan ringkas (SMS) akan dihantar kepada kenalan yang pengguna aplikasi ini simpan di dalamnya," kongsinya.

Menurutnya, idea tercetus apabila rakannya mengalami masalah ketika sedang menunggang basikal sedangkan dia tidak tahu di mana rakannya berada.

Fazuan yang sukakan cabaran dan perkara baharu terus mempelajari bahasa Android dengan mendalam beberapa bulan seterusnya pada awal semester 6 barulah anak muda berusia 22 tahun ini memulakan projek aplikasi mereka cipta.

"Perkara yang diperlukan untuk berjaya dalam reka cipta ialah sikap ingin tahu, kreatif, suka menjadi lain dari yang lain yang sangat membantu semasa dalam proses penciptaan kerana akan menunjukkan identiti sebenar seorang pereka cipta," luahnya.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.